

01/02/2003

Nilai terima tempias pembangunan KLIA

Kamaliza Kamaruddin

SEREMBAN: Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang memberi kesan ketara terhadap jiran terdekatnya, Nilai yang kini pesat membangun terutama sektor perumahan.

Selain pembangunan bersepadu Bandar Baru Nilai, wujud taman perumahan lain seperti Bayu Lakehomes, Taman Eka Matahari, Enstek City, Taman Gadong

Jaya, Nilai Perdana, Kota Seriemas dan banyak lagi.

Selama ini tidak terbayang kawasan hutan dan ladang getah dan kelapa sawit ini akan wujud taman perumahan baru yang moden tetapi inilah kenyataannya. Ladang peneroka Felda LBJ Johnson di Labu, kini menjadi tapak perumahan, termasuk Taman Eka Matahari.

Kepesatan pembangunan perumahan ini kerana jaraknya yang hampir dengan KLIA, misalnya dari Enstek City ke lapangan terbang boleh sampai dalam waktu 15 minit.

Pada satu masa lalu, tiada siapa yang begitu mengenali Nilai kerana tiada apa yang istimewa di pekan kecil ini.

Setelah kerajaan negeri mewartakan Nilai sebagai zon perindustrian pada 1983, Nilai menjadi terkenal kerana semakin ramai pelabur memulakan perniagaan baru di situ.

Pada mulanya, kerajaan negeri bercadang mewujudkan bandar baru di sekitar Taman Semarak yang mula dibuka sekitar awal 1990-an.

Bagaimanapun, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembinaan KLIA di Sepang menyebabkan kerajaan mengubah cadangan itu.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata perbincangan yang diadakan antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pakar perunding, akhirnya Bandar Baru Nilai diwujudkan.

Dengan lokasi strategik berhampiran projek mega seperti KLIA, Putrajaya, Cyberjaya dan Litar Formula 1, tidak hairan Nilai kini menjadi tumpuan.

Tidak hanya sektor perindustrian, pendidikan dan pelancongan, Nilai kini

menjadi tumpuan banyak pemaju perumahan yang membina banyak projek, termasuk rumah kos rendah, sederhana dan mewah.

Pembeli mempunyai banyak pilihan sama ada mahukan kehidupan mewah dan elit atau sederhana, namun semuanya bergantung kepada kemampuan kewangan.

Ramai berpendapat membeli hartanah di sekitar Nilai adalah pelaburan besar yang menguntungkan kerana harganya akan melambung berlipat kali ganda satu hari nanti.